

# Contohi Chelsea, Vietnam formula kejayaan bola sepak

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan ROZAIDI ZULKIFLI  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pembangunan pemain bola sepak bukan setakat memerlukan infrastruktur canggih dan moden semata-mata, sebaliknya melibatkan pembangunan pemain sistematik bermula dari peringkat akar umbi seterusnya digilap bakat mereka sehingga menjadi aset terbaik negara.

Perdana Menteri berkata, seorang pemain bola sepak berbakat perlu dibimbing jurulatih terbaik dari usia muda dan seorang jurulatih pula wajar mendapat tunjuk ajar daripada instruktur atau jurulatih pakar.

Kata beliau, proses itu bukan satu rahsia besar tetapi menjadi formula kejayaan mana-mana pasukan melalui kemahiran teknikal yang dimiliki hasil bimbingan jurulatih hebat. Ia sekali gus meningkatkan kebolehpasaran pemain bukan sahaja di liga tempatan malah ke peringkat antarabangsa.

"Contohnya pasukan Chelsea atau *The Blues* yang berpangkalan di Stamford Bridge, England. Ekosistem pasukan Liga Perdana Inggeris ini cukup lengkap. Akademi mereka mengendalikan pasukan yang dianggotai pemain muda sembilan



**ISMAIL Sabri Yaakob diiringi Hamidin Mohd. Amin melakukan gimik majlis pecah tanah Ibu Pejabat FAM di Putrajaya. semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA**

tahun hingga 23 tahun, satu ekosistem yang menuntut pembabitan jurulatih, pengurusan kelab dan sokongan ibu bapa.

"Selain meningkatkan kemampuan teknikal, kelab itu juga membangunkan daya kebolehpasaran serta kualiti pemain yang menyarung jersi biru itu. Ini yang patut dicontohi kelab-kelab bola sepak di negara ini," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Pecah Tanah Ibu Pejabat Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) di

Presint 5, di sini semalam.

Ismail Sabri turut memberi contoh pasukan Vietnam yang pada tahun 2006, pasukan itu menduduki ranking 172 dan kini mereka menjadi satu-satunya pasukan dari Asia Tenggara berjaya mara ke pusingan akhir kejayaan Piala Dunia 2022.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, pembinaan ibu pejabat baharu FAM menepati aspirasi dihasratkan Almarhum Sultan Ahmad Shah yang merupakan Presiden FAM dari 1984 hingga

2014, demi tuntutan bola sepak moden berprestasi tinggi.

Katanya, pembinaan Ibu Pejabat FAM baharu itu bermula tahun ini dan ibu pejabat ketiga persatuan itu selepas Wisma FAM yang terletak di Kelana Jaya beroperasi sejak lewat 1980.

"Syabas diucapkan kepada Presiden FAM, Datuk Hamidin Mohd. Amin dan barisan Exco FAM atas inisiatif ini, menerusi usaha sama dengan pemaju," katanya.